## Terma & Syarat Promosi

1. **Penganjur:** Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966] ["Penganjur"].
2. **Promosi:** MILO® Stik Pek X-Change ["Promosi"].
3. **Tempoh Promosi:** Promosi bermula jam 12:00 tgh mlm pada 01/03/2021 dan ditutup jam 11:59 mlm pada 31/05/2021.
4. **Kelayakan:** Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
5. **Kaedah Penyertaan:**

a. Untuk produk MILO turut serta ["Produk"] yang dibeli, anda akan layak untuk menyertai Promosi. Sila rujuk Jadual Bukti Pembelian & Mata yang ditunjukkan pada Borang Promosi ["Borang"] untuk senarai Produk, bukti pembelian ["BP"] diperlukan dan mata ["Mata"] yang layak untuk setiap Produk yang dibeli. Produk yang tidak disenaraikan dalam Borang akan dikecualikan sebagai Produk yang mengambil bahagian dalam Promosi. Salinan Borang kosong dan diisi secara original adalah diterima.

b. Semua Peserta boleh menebus Mata yang terkumpul semasa Tempoh Promosi. Sila rujuk ke empat [4] reka bentuk BEG SUKAN MILO ["Beg"] yang berbeza yang terdapat pada tarikh yang dinyatakan dan jumlah Mata yang diperlukan untuk menebus seperti yang ditunjukkan pada Borang. Tempahan awal Beg tidak dibenarkan. Penebusan Beg mesti dibuat dalam tarikh yang tertera pada Borang:
   i. Beg A & Beg B dari 01/03/2021 hingga 15/04/2021.
   ii. Beg C & Beg D dari 16/04/2021 hingga 31/05/2021.

c. Anda hanya boleh menebus dua [2] Beg dalam setiap Borang. Borang dengan lebih daripada dua [2] Beg yang ditebus akan dibatalkan.

d. Setiap Peserta dengan dokumen pengenalan diri yang sah berhak/layak untuk menghantar lebih daripada satu [1] Borang dan menebus sehingga maksima sepuluh [10] gabungan keseluruhan Beg A & Beg B dan maksima sepuluh [10] gabungan keseluruhan Beg C & Beg D.

e. Setiap Borang yang dihantar mestilah lengkap dengan butiran yang diperlukan dan mesti disertakan dengan BP yang diperlukan dan bersamaan dengan Mata yang mencukupi untuk layak ["Borang Layak"].

f. Mata yang dikumpul sepanjang Tempoh Promosi tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Mata berlebihan yang dikemukakan tidak akan dipulangkan. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, disertakan dengan Bukti Pembelian atau Mata yang tidak betul dan/atau cacat/rosak akan dibatalkan.

g. Semua Borang mesti dihantar ke alamat seperti yang dinyatakan, melalui pos, penghantar surat, perkhidmatan kurier atau Pos Laju, atas risiko Peserta sendiri. Bukti pos Borang tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan oleh Penganjur.

6. **Tarikh Tutup Penyertaan:** Semua Borang mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam pada 31/05/2021. Semua Borang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
7. **Premium:**

a. Beg akan dihantar ke alamat penghantaran yang diberikan oleh Peserta dalam 6 – 8 minggu selepas tarikh tutup 31/05/2021. Penganjur akan mengambil langkah berhati-hati apabila menghantar Beg tetapi Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya Beg tidak diterima, lewat diterima atau rosak semasa penghantaran kepada Peserta. Semua Beg yang tidak dituntut akan dibatalkan.

b. Sekiranya terdapat kecacatan dari segi pembuatan, Peserta mesti memulangkan Beg tersebut dalam pembungkusan asal tanpa kerosakan kepada Penganjur dengan menanggung sendiri kosnya untuk mendapatkan gantian dalam masa 2 minggu selepas penerimaan Beg tersebut.

c. Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Beg yang ditunjukkan pada Borang dengan Beg lain yang mempunyai nilai sama, pada bila-bila tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Beg disediakan dalam keadaan "sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar sama ada sebahagian atau keseluruhan.

8. **Terma Tambahan:**

a. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan Beg serta terma dan syarat yang disertakan bersama Beg, jika ada.

1. **Penganjur:** MILO® Stik Pek X-Change – MILO Kraftangan Edisi Terhad ["Peraduan"].
2. **Hadiah Beg Kraftangan MILO:**

a. Penganjur akan kitar guna semula BP yang diterima sepanjang Tempoh Promosi. Penganjur telah memilih beberapa komuniti kitar guna semula tempatan untuk menghasilkan lima ratus [500] barang dagangan kraftangan pelbagai jenis barang dan reka bentuk MILO Kraftangan Edisi Terhad sebagai hadiah untuk Promosi ini.

b. Setiap Borang Layak yang diterima sepanjang Tempoh Promosi secara automatik akan layak untuk menyertai Peraduan ini dan berpeluang memenangi MILO Kraftangan Edisi Terhad ["Hadiah"].

c. Setiap peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah sepanjang Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk memperuntukkan barangan/reka bentuk Hadiah kepada setiap pemenang.

3. **Maklumat Pengadilan – Hadiah Beg Kraftangan MILO:**

a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, semua Borang Layak yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Promosi akan diperuntukkan satu nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".

b. Setiap nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Borang Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Borang Layak ["Jumlah Borang Layak"]. Andainya Jumlah Borang Layak ialah 23588, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:
   i. Pemilihan lima ratus [1] Finalis Hadiah: 23588 ÷ 500 = 47.17. Oleh sebab pembahagian 23588 dengan 500 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 47.17 akan dibundarkan ke bawah kepada 47. 500 Peserta dengan Borang Layak yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih sebagai Finalis: 47*, 94*, 141*, 188, 235, 282 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 47, 47+47=94, 94+47=141].

4. **Terma Tambahan:**

a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis menerusi nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Borang Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.

b. Semua hadiah akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh Peserta dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 31/05/2021. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.

c. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur akan dibatalkan.

d. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.

e. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan bersama Hadiah, jika ada.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di https://www.milo.com.my, secara kolektif "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini [selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda"]

Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam Notis Privasi.

Talian Perkhidmatan Pengguna: **1800 88 3433**.

DIBAWA OLEH

MILO SAYANG BUMI

# MILO® STIK PEK X-CHANGE

## BERIKAN MILO® STIK PEK ANDA & DAPATKAN BEG SUKAN MILO®

TEMPOH MASA: 1 MAC - 31 MEI 2021



KUMPULKAN KESEMUA 4 REKAAN!

Gambar untuk tujuan ilustrasi sahaja.

**LANGKAH 1:** KUMPUL MANA-MANA STIK PEK MILO® UNTUK DAPATKAN 50 MATA

**LANGKAH 2:** POSKAN STIK PEK MILO® DAN DAPATKAN SATU BEG SUKAN MILO®



1 MATA UNTUK SETIAP SATU PEK



2 MATA UNTUK SETIAP SATU PEK

ANDA JUGA BERPELUANG MEMENANGI

# BEG KRAFTANGAN MILO®

YANG DIPERBUAT DARIPADA MILO® STIK PEK YANG DIGUNA SEMULA

EDISI TERHAD



Gambar untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966)

Untuk maklumat lanjut: 1-800-88-3433

Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila imbas untuk maklumat lanjut.

www.milo.com.my

MS 1500 1019-05/2004

# MULAKAN PENEBUSAN ANDA SEKARANG!

1. Bagi pembelian setiap produk MILO® yang turut serta, anda layak menyertai PROMOSI MILO® STIK PEK X-CHANGE (sila rujuk jadual-jadual Bukti Pembelian & Mata dan pilihan Beg Sukan MILO®).
2. Penebusan segera ini adalah promosi ganjaran kesetiaan dan dibuka kepada penduduk Malaysia berumur **18 tahun dan ke atas pada 01/03/2021** dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.

# PENEBUSAN MELALUI POS SAHAJA.

1. Lengkapkan borang penebusan ini dengan butir-butir lengkap anda, sertakan bukti pembelian & mata yang dikehendaki dan hantarkan melalui sebarang kaedah yang dijamin tiba ke:

**PROMOSI MILO® STIK PEK X-CHANGE**
**OMNITEAM SDN. BHD.**
**16, Jalan SS25/35, Taman Mayang, 47301 Petaling Jaya.**

2. Anda hanya boleh menebus maksimum 2 Beg dengan setiap borang penebusan. Borang penebusan melebihi 2 Beg akan dibatalkan. Penebusan Beg mesti dibuat dalam tempoh yang dinyatakan. Tempahan Beg secara lebih awal tidak dibenarkan.
3. Anda berhak/layak untuk menghantar lebih daripada 1 borang penebusan dan menebus sehingga maksima 10 gabungan keseluruhan Beg A & Beg B dan maksima 10 gabungan keseluruhan Beg C & Beg D untuk sepanjang tempoh promosi.
4. Borang Penebusan yang diterima selepas 31/05/2021 tidak akan dilayan.
5. **Beg yang ditebus akan hanya dihantar 6 – 8 minggu selepas 31/05/2021.**
6. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Beg Sukan yang ditunjukkan dalam borang dengan Beg Sukan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Beg Sukan ditebus dalam “keadaan sedia ada” dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.
7. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengaturkan dan/atau membekalkan Beg Sukan dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Beg Sukan, jika ada.
8. **Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengubah proses penyerahan Penebusan atau pengendalian Penebusan dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang dipercayai melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Penebusan.**

Sila lengkapkan jadual-jadual di bawah.

## 50 Mata untuk 1 BEG SUKAN MILO®

01 MAC – 15 APRIL 2021




*Kelabu* **Kuantiti:** ____




*Merah Tua* **Kuantiti:** ____

16 APRIL – 31 MEI 2021




*Kuning* **Kuantiti:** ____




*Hijau* **Kuantiti:** ____

**MAKSIMUM 2 BEG SUKAN SAHAJA BAGI SETIAP BORANG PENEBUSAN**
NOTA: Penebusan melebihi kuantiti 2 Beg Sukan akan DIBATALKAN serta-merta. Saiz Beg Sukan: P 44cm x T 26cm x L 21cm.

## JADUAL BUKTI PEMBELIAN & MATA

| Kod | Produk-produk Yang Mengambil Bahagian (Tarikh Luput: Mac 2021 dan ke atas) | Bukti Pembelian | Mata | Jumlah Bukti Pembelian Yang Disertakan | Jumlah Mata Yang Disertakan |
|---|---|---|---|---|---|
| A | **MILO® 3in1 Less Sugar** | **1 x Stik Pek** | **2** | | |
| B | **MILO® 3in1 Whole Grain with Cereal** | **1 x Sachet** | **2** | | |
| C | **MILO® Nutri Breakfast Pisang** | **1 x Sachet** | **2** | | |
| D | **MILO® Nutri Breakfast Biji Bunga Matahari & Biji Labu** | **1 x Sachet** | **2** | | |
| E | **MILO® 3in1 Original** | **1 x Stik Pek** | **1** | | |
| F | **MILO® Kosong** | **1 x Stik Pek** | **1** | | |

*Contoh-contoh Bukti Pembelian:* **Stik Pek / Sachet**

**1 mata**



**2 mata**



**Jumlah Keseluruhan Mata** ____

**NOTA:**
- **Hanya produk-produk yang mengambil bahagian di atas dan bertarikh luput pada Mac 2021 dan ke atas layak diterima.**
- **Penebusan melebihi kuantiti 2 Beg Sukan atau penebusan mata yang tidak mencukupi akan DIBATALKAN serta-merta.**
- **Sila pastikan bahawa semua Bukti Pembelian DIPOTONG mengikut gambar yang ditunjukkan. Bukti Pembelian yang lengkap sepenuhnya mestilah DIBERSIH dan DIKERINGKAN sebelum dihantar. Bukti Pembelian yang tidak lengkap dan kotor, TIDAK AKAN DITERIMA.**

***Lengkapkan butir diri anda:***

☐ Saya ingin menyertai Dear Nestlé dan menerima maklumat terkini mengenai produk, sampel, acara dan promosi Nestlé.

Dengan mengambil bahagian, saya telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Promosi di **https://www.milo.com.my** dan Notis Privasi di: **https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.** Talian Khidmat Pengguna: **1800 88 3433.**

Nama Penuh: ____

No MyKad: ____ – ____ – ____

Alamat Penghantaran: ____

____ Poskod: ____ Bandar: ____ Negeri: ____

Tel (Rumah): ____ – ____ (Telefon bimbit): ____ – ____

E-mel: ____